



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

JAMBATAN BAILEY JALAN SLIM RIVER – BEHRANG HULU

SLIM, PERAK - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya telah meninjau lokasi pemasangan Jambatan *Bailey* di Jalan Slim River – Behrang Hulu (A121), Mukim Slim, Daerah Muallim, Perak.

2. Kejadian banjir dengan kepala air besar pada 23 Ogos 2024 (Jumaat) telah membawa serpihan sampah yang menyebabkan jambatan struktur konkrit iaitu Jambatan Lama Sungai Slim (No. Pendaftaran : A121/10/168) runtuh. Kejadian ini telah menyebabkan laluan dari Pekan Slim Village ke Bandar Slim River dan Bandar Behrang terputus. Jambatan lama ini dibina pada awal tahun 1930an dengan panjang 77meter(m) dan lebar 7.5meter serta terletak di jalan negeri Jalan Slim River – Behrang Hulu (A121), Daerah Muallim, Perak.

3. Bagi memastikan jaringan jalan raya tidak putus dan menyusahkan pengguna jalan raya, Jambatan *Bailey* telah dipasang oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak dengan bantuan bersama daripada JKR Negeri Kedah. Jambatan *Bailey* ini merupakan aset persekutuan yang didaftarkan di bawah Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), JKR Malaysia.

4. Jambatan *Bailey* yang dipasang ini berukuran panjang 36m panjang dan lebar 7.2m merupakan jambatan selorong dua hala dengan had maksima muatan kenderaan yang dibenarkan adalah 10 tan. Kerja-kerja pembinaan Jambatan *Bailey* ini telah berjaya disiapkan selama 5 hari bermula pada 12 September 2024 hingga 16 September 2024. Kerja-kerja infra seperti jalan tuju dan perabot jalan pula telah bermula pada 25 Ogos 2024. Pada 20 September 2024 keseluruhan kerja-kerja pembinaan telah siap dan dibuka kepada pengguna jalan raya sekaligus memberi kemudahan kepada penduduk setempat untuk melaksanakan aktiviti harian seperti biasa.

5. Fokus yang berterusan terhadap infrastruktur jalan raya ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan melalui Program MYJalan Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam membina, menyediakan, mengurus dan menyenggara infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
19 OKTOBER 2024